

WAWASAN

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menjadi peneraju pembangunan Pertubuhan Peladang (PP) yang unggul dan cemerlang.

TAFSIRAN: LPP diberi tanggungjawab dan amanah untuk membangunkan PP dan meletakkan institusi tersebut ke tahap yang cemerlang.

MISI

Membangunkan PP sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan ke arah ahli peladang progresif.

TAFSIRAN: LPP berusaha menggerak dan memajukan PP sebagai penyedia perkhidmatan sokongan ahli-ahli peladang progresif.

DASAR KUALITI

Kami beriltizam memberikan perkhidmatan profesional untuk menguruskan PP yang berkualiti dan membangunkan peladang progresif yang menjadi pengeluar utama makanan negara.

PIAGAM PELANGGAN

Kami beriltizam memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti bagi mencapai wawasan LPP menjadi peneraju pembangunan PP yang unggul dan cemerlang dengan melaksanakan misi membangunkan PP sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan ke arah ahli peladang progresif.

- Memberikan keputusan perundangan ke atas semua permohonan oleh PP/ KAT berkaitan dengan kuasa Pendaftar/ Ketua Pendaftar tidak melebihi tempoh empat belas (14) hari
- Memberikan keputusan permohonan pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman PP dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh permohonan lengkap diterima
- Memberi kelulusan projek pembangunan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kelulusan oleh Agensi Pusat
- Memberi latihan kepada anggota LPP sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun
- Memberi kelulusan Pendaftar mengikut peruntukan undang-undang ke atas Penyata Kewangan Beraudit PP dalam tempoh lima (5) hari
- Mengeluarkan laporan juruaudit berkanun ke atas penyata kewangan PP yang diaudit oleh Juruaudit Pendaftar dalam tempoh dua puluh lima (25) hari
- Menyediakan draf laporan aktiviti kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak lewat 31 Januari tahun berikutnya
- Mengemukakan Penyata Kewangan muktamad berakhir 31 Disember kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 31 Mac tahun berikutnya
- Mengemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Laporan Tahunan untuk pembentangan di Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum 30 September tahun berikutnya

MATLAMAT UMUM

- i. PP sebagai institusi berdaya maju dalam bidang perkhidmatan sokongan pertanian;
- ii. Pewujudan peladang progresif yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian selaras dengan matlamat transformasi pertanian melalui pergerakan PP; dan
- iii. Pembangunan dan pengukuhan rangkaian aktiviti-aktiviti PP.

MATLAMAT KHUSUS

- i. Pengukuhan kedudukan kewangan PP sebagai badan perniagaan peladang;
- ii. Pengukuhan perkhidmatan sokongan strategik PP dalam aktiviti-aktiviti kejenteraan ladang, pengangkutan dan kemudahan asas infrastruktur ke arah pertanian moden;
- iii. Peningkatan dan penglibatan PP dalam aktiviti-aktiviti strategik seperti pengeluaran benih, pembangunan industri asas tani dan pasaran eksport;
- iv. Pembangunan dan penglibatan ahli PP pengeluaran, pemasaran dan pemprosesan hasil-hasil pertanian;
- v. Pewujudan 10,000 usahawan peladang sebagai pemangkin kepada program permodenan dan transformasi sektor pertanian;
- vi. Pengurusan dan pembangunan modal insan LPP dan PP;
- vii. Pengukuhan rangkaian aktiviti pembekalan, pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran PP secara bersepadu; dan
- viii. Pembangunan sistem teknologi maklumat ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian (delivery system) di LPP dan PP.